

KEMPEN JOM DAFTAR DUITNOW DENGAN BANK RAKYAT**SOALAN-SOALAN LAZIM**

- 1. Siapakah penganjur kempen ini?**
Kempen ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).
- 2. Bilakah kempen ini berlangsung?**
Kempen ini berlangsung dari 15 Julai 2021 hingga 15 Disember 2021.
- 3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**
Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada termasuk wargakerja Bank Rakyat.
- 4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**
Pelanggan perlu mendaftar **iRakyat** dan seterusnya **DuitNow** menerusi salah satu daripada pangkalan data pengalamanan nasional berikut:
 - a. Nombor Telefon Bimbit
 - b. Nombor Kad Pengenalan (awam / polis / tentera)
 - c. Nombor Pasport
- 5. Saya hanya melakukan pendaftaran iRakyat. Adakah saya layak menyertai kempen ini?**
Tidak. Untuk menyertai kempen ini, pelanggan perlu mendaftar perkhidmatan iRakyat dan seterusnya DuitNow sepanjang tempoh kempen.
- 6. Saya telah mendaftar DuitNow di Bank Rakyat. Adakah saya boleh mendaftar semula untuk menyertai kempen ini?**

Jawapan	Keterangan
Tidak boleh	Sekiranya pendaftaran baru melibatkan pangkalan data pengalamanan nasional atau ID DuitNow yang sama.
Boleh	Sekiranya pendaftaran baru melibatkan pangkalan data pengalamanan nasional atau ID DuitNow yang berbeza.

- 7. Adakah pertukaran ID DuitNow dari Bank lain kepada Bank Rakyat diambil kira sebagai penyertaan?**
Tidak.

8. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini adalah seperti berikut:

Hadiah	Keterangan
Hadiah Bulanan	RM1,000.00 x 3 Pemenang x 5 Bulan
Jumlah Keseluruhan	RM15,000.00

9. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Pemenang bagi kempen ini akan dipilih secara rawak menerusi sistem undian berkomputer.

10. Bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi laman sesawang Bank Rakyat atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

11. Bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan diterima oleh pemenang selepas kempen tamat.

12. Bagaimana hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Bank Rakyat milik pemenang.

13. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

14. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun bank lain milik pemenang?

Tidak boleh.

15. Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

16. Akaun Simpanan-i Bank Rakyat saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah gugur kelayakan saya sebagai pemenang?

Tidak. Kemenangan anda masih sah. Walaubagaimanapun, hadiah hanya boleh dikreditkan ke dalam akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i sahaja dalam masa **30 hari** selepas pengumuman dibuat.

17. Adakah saya layak untuk menerima hadiah kempen jika saya berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam?

Tidak layak dan gugur kelayakan penyertaan kempen.

18. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my

b) Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my

c) Pusat Panggilan: 1 300 80 5454

d) Laman sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/Twitter)